

Newspaper	Berita Harian
Date	26 January 2016



Najib dan Ahmad Zahid bergambar bersama delegasi persidangan selepas majlis perasmian IDC 2016 di Kuala Lumpur, semalam. [FOTO MOHD YUSNI ARIFFIN /BH]

Malaysia tidak beri ruang kepada kumpulan ekstremis

» Undang-undang sedia ada mampu sekat penyusupan masuk ke dalam negara

Oleh Mohd Hamizar Hamid dan Mohd Iskandar Ibrahim
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur

Kerajaan berikrar untuk tidak memberi ruang kepada keganasan atau ekstremis keganasan menyusup masuk ke dalam negara, kata Datuk Seri Najib Razak.

Perdana Menteri berkata, kerajaan menggubal undang-undang untuk melindungi negara daripada ancaman itu seperti Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) atau SOSMA, Akta Langkah-Langkah Khas Menentang Keganasan di Luar Negara, Akta Pencegahan Keganasan dan Akta Majlis Keselamatan Negara.

"Cara terbaik untuk menjamin kebebasan awam adalah dengan mengekang sebarang tindakan keganasan bagi memastikan keselamatan negara terjamin," katanya ketika merasmikan Persidangan Antarabangsa Deradikalisasi dan Memerangi Ekstremisme Keganasan 2016 (IDC 2016) di sini, semalam.

Najib berkata, tidak wujud kebebasan awam dalam kumpulan militan Daesh dan tiada



Najib ketika berucap merasmikan IDC 2016 di Kuala Lumpur, semalam. [FOTO ABDULLAH YUSOF/BH]

perisai terhadap mereka yang berhasrat melakukan perbuatan keganasan.

Pentingkan keselamatan

"Saya tidak akan memohon maaf, saya ulangi, saya tidak akan memohon maaf bagi setiap langkah diambil demi memastikan keselamatan, dan bagi mementingkan aspek keselamatan untuk semua rakyat Malaysia sebagai keutamaan saya.

"Ketika beberapa negara menghadapi serangan pengga-

na memastikan keutamaan diberikan terhadap isu keselamatan dalam memastikan kesejahteraan rakyat.

"Kita tidak akan menunggu sehingga berlakunya kekejaman berlaku untuk menetapkan langkah sewajarnya.

Cemar al-Quran

"Dalam Islam, golongan berkenaan terdiri daripada golongan yang menentang ajaran agama serta Tuhan, mereka yang mencemar al-Quran dan Nabi Muhammad SAW apabila mendakwa mengambil tindakan sedemikian atas nama Islam," katanya.

Mengulas lanjut, Najib turut mengumumkan kejayaan Malaysia menterjemah modul pemulihan berkenaan dalam tiga bahasa iaitu bahasa Arab, Inggeris dan Perancis selaras Resolusi 2178 Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

"Bagi menjayakannya, Malaysia sudah mengusahakan penubuhan Pusat Serantau Digital bagi Memintas Mesej Menerusi Komunikasi.

"Pusat itu akan memanfaatkan kajian membuktikan negara yang ditubuhkan Daesh adalah tidak Islamik," katanya.

Seminar dua hari bermula semalam itu dihadiri semua menteri ASEAN dan sembilan menteri negara rakan strategik seperti Amerika Syarikat, Perancis, Australia, United Kingdom, Arab Saudi, Emiriah Arab Bersatu (UAE), Jepun, China dan Itali.

Persidangan julung kali itu bertujuan meningkatkan kerjasama antara agensi keselamatan di seluruh dunia dalam program deradikalisasi.